

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

JMS 311 - SEJARAH POLITIK MALAYSIA MODEN

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan bahawa kertas soalan peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab **EMPAT** soalan.

1. Kerajaan Inggeris bukan sahaja melakukan perubahan dalam bidang politik sejak campurtangan di negeri-negeri Melayu tetapi juga telah mengekalkan beberapa unsur tradisi. Bincangkan kesan-kesan daripada dasar ini ke atas masyarakat Melayu.
(100 markah)
2. Banding dan bezakan antara gagasan Malayan Union 1946 dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dari segi dasar dan matlamatnya.
(100 markah)
3. Sejauhmanakah faktor keseimbangan kaum memaksa Tunku Abdul Rahman berusaha menarik Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia.
(100 markah)
4. Menurut Raden Soenarno, keadaan masyarakat Melayu yang masih berada dalam lingkungan masyarakat feudal menjadi penghalang utama kepada perkembangan semangat nasionalisma Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Bersetujukah anda? Mengapa?
(100 markah)
5. Nilaikan peranan PUTERA-AMCJA dalam sejarah pekembangan semangat nasionalisma Malaya berdasarkan Asas Perlembagaan Rakyat yang dikemukakan sebagai cadangan balas kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
(100 markah)
6. Konflik politik, ekonomi dan perkauman yang tidak dapat ditangani dengan baik oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan PAP menjadikan perpisahan Singapura daripada Malaysia sebagai satu perkara yang tidak dapat dielakkan lagi. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
(100 markah)
7. Nilaikan perlaksanaan konsep federalisme di Malaysia dengan merujuk kepada hubungan kerajaan pusat dengan kerajaan Kelantan 1959-1978.
(100 markah)

ooOoo